

Bil. S 26

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH TIMBANGTARA, 2009

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran pendek, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan Perintah ini.

BAHAGIAN II

PERJANJIAN TIMBANGTARA

4. Perjanjian timbangtara.
5. Perjanjian timbangtara tidak boleh dibatalkan dengan kematian pihak.

BAHAGIAN III

PENANGGUHAN PROSIDING UNDANG-UNDANG

6. Penangguhan prosiding undang-undang.
7. Kuasa mahkamah ke atas penangguhan prosiding.
8. Merujukkan isu interplider kepada timbangtara.

BAHAGIAN IV

PERMULAAN PROSIDING TIMBANGTARA

9. Permulaan prosiding timbangtara.

10. Kuasa Mahkamah untuk melanjutkan masa bagi memulakan prosiding timbangtara.
11. Pengenaan Penggal 14.

BAHAGIAN V

TRIBUNAL TIMBANGTARA

12. Bilangan penimbangtara.
13. Lantikan penimbangtara.
14. Alasan untuk mencabar.
15. Prosedur mencabar.
16. Kegagalan atau kemustahilan untuk bertindak.
17. Penimbangtara terhenti daripada memegang jawatan.
18. Lantikan penimbangtara ganti.
19. Keputusan oleh panel penimbangtara.
20. Liabiliti penimbangtara.

BAHAGIAN VI

BIDANG KUASA TRIBUNAL TIMBANGTARA

21. Kebolehasingan fasal timbangtara dan kelayakan tribunal timbangtara untuk membuat keputusan mengenai bidang kuasanya sendiri.

BAHAGIAN VII

PROSIDING TIMBANGTARA

22. Kewajipan am tribunal timbangtara.
23. Penentuan aturan-aturan prosedur.
24. Pernyataan tuntutan dan pembelaan.
25. Pendengaran dan prosiding bertulis.

26. Penyatuaan prosiding dan pendengaran bersama.
27. Kuasa untuk melantik pakar.
28. Kuasa am boleh dijalankan oleh tribunal timbangtara.
29. Kuasa tribunal timbangtara sekiranya suatu pihak ingkar.
30. Saksi-saksi boleh dipanggil dengan sepina.
31. Kuasa Mahkamah boleh dijalankan bagi menyokong prosiding timbangtara.

BAHAGIAN VIII

AWARD

32. Undang-undang dikenakan kepada isi hal pertikaian.
33. Award dibuat atas isu-isu yang berlainan.
34. Remedi.
35. Faedah.
36. Lanjutan masa untuk membuat award.
37. Award dengan persetujuan.
38. Bentuk dan kandungan award.
39. Kos timbangtara.
40. Bayaran penimbangtara.
41. Kuasa untuk menahan award sekiranya tidak membayar.
42. Mahkamah boleh mencagarkan harta dengan pembayaran kos peguamcara dalam timbangtara.
43. Pembetulan atau tafsiran award dan award tambahan.
44. Kesan award.

BAHAGIAN IX

KUASA-KUASA MAHKAMAH BERKENAAN DENGAN AWARD

45. Pemutusan perkara undang-undang permulaan.
46. Penguatkuasaan award.
47. Tiada kajian semula kehakiman award.
48. Mahkamah boleh mengetepikan award.
49. Rayuan terhadap award.
50. Peruntukan-peruntukan tambahan untuk merayu di bawah bab 49.
51. Kesan perintah Mahkamah atas rayuan terhadap award.
52. Permohonan bagi kebenaran Mahkamah dll.

BAHAGIAN X

AM

53. Notis dan kehendak lain berhubung dengan prosiding undang-undang.
54. Kuasa Pendaftar.
55. Aturan-Aturan Mahkamah.
56. Prosiding hendaklah didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.
57. Sekatan ke atas membuat laporan prosiding yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.
58. Pengenaan kepada sebutan di bawah kuasa berkanun.
59. Kekebalan institusi timbangtara.
60. Penyampaian notis.
61. Pengiraan tempoh masa.
62. Lantikan pengantara.
63. Kuasa penimbangtara untuk bertindak sebagai pengantara.

64. Kerajaan hendaklah terikat.
 65. Peruntukan-peruntukan peralihan.
 66. Kuasa membolehkan.
 67. Pemansuhan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TIMBANGTARA, 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran pendek, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Timbangtara, 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada hari yang akan ditetapkan oleh Peguam Negara, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi timbangtara dalam perkara-perkara sivil dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pihak berkuasa yang melantik" bermakna pihak berkuasa yang melantik yang ditetapkan di bawah bab-bab 13(8) atau (9);

"tribunal timbangtara" bermakna penimbangtara tunggal, suatu panel penimbangtara atau suatu institusi timbangtara;

"perjanjian timbangtara" mempunyai makna yang diberikan kepadanya oleh bab 4(1);

"award" bermakna suatu keputusan tribunal timbangtara mengenai isi hal pertikaian dan termasuk apa-apa award interim, interlokutori atau sebahagian, tetapi tidak termasuk apa-apa perintah atau arahan yang dibuat di bawah bab 28;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi;

"mahkamah", bagi maksud bab-bab 6, 7, 8, 11(1), 55, 56 dan 57, bermakna Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan, Mahkamah Majistret atau mana-mana mahkamah lain di mana prosiding yang disebut dalam bab-bab itu dimulakan atau didengar;

"pihak" bermakna suatu pihak dalam suatu perjanjian timbangtara atau, dalam sebarang hal jika suatu timbangtara tidak melibatkan semua pihak dalam perjanjian timbangtara itu, bermakna suatu pihak dalam timbangtara itu;

"tempat timbangtara" bermakna tempat juridikal timbangtara yang ditetapkan oleh —

(a) pihak-pihak dalam perjanjian timbangtara;

(b) mana-mana institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang dibenarkan oleh pihak-pihak itu bagi maksud tersebut; atau

(c) tribunal timbangtara yang dibenarkan oleh pihak-pihak itu,

atau ditentukan, sekiranya sebarang penetapan tersebut tidak ada, dengan memberi perhatian kepada perjanjian timbangtara dan semua hal keadaan yang berkaitan;

"Pendaftar Mahkamah Besar" mempunyai makna sama seperti dalam bab 2 dari Akta Mahkamah Besar (Penggal 5);

"Aturan-Aturan Mahkamah" bermakna Aturan-Aturan Mahkamah yang dibuat oleh Ketua Hakim di bawah Perintah ini.

(2) Jika sebarang peruntukan dalam Perintah ini membenarkan pihak-pihak itu untuk memutuskan apa-apa isu, pihak-pihak itu boleh membenarkan pihak ketiga, termasuk suatu institusi timbangtara, untuk membuat keputusan tersebut.

(3) Jika sebarang peruntukan dalam Perintah merujuk kepada fakta bahawa pihak-pihak itu telah bersetuju atau bahawa mereka mungkin bersetuju atau dengan apa-apa cara lain merujuk kepada suatu perjanjian pihak-pihak itu, perjanjian itu termasuk sebarang aturan timbangtara yang dimasukkan dalam perjanjian itu.

(4) Jika sebarang peruntukan dalam Perintah ini merujuk kepada suatu tuntutan, peruntukan itu hendaklah juga dikenakan kepada suatu tuntutan silang atau tuntutan balas, dan jika peruntukan itu merujuk kepada suatu pembelaan, peruntukan itu hendaklah juga dikenakan kepada suatu pembelaan dalam sebarang tuntutan silang atau tuntutan balas tersebut.

Pengenaan Perintah ini.

3. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada apa-apa timbangtara jika tempat timbangtara adalah Negara Brunei Darussalam dan jika Bahagian II Perintah Timbangtara Antarabangsa, 2009 tidak dikenakan kepada timbangtara itu.

BAHAGIAN II

PERJANJIAN TIMBANGTARA

Perjanjian timbangtara.

4. (1) Dalam Perintah ini "perjanjian timbangtara" bermakna suatu perjanjian oleh pihak-pihak itu untuk mengemukakan kepada timbangtara semua pertikaian atau pertikaian tertentu yang telah timbul atau yang mungkin timbul di antara mereka, sama ada di bawah kontrak atau tidak.

(2) Suatu perjanjian timbangtara boleh dalam bentuk suatu fasal timbangtara dalam suatu kontrak atau dalam bentuk suatu perjanjian yang berasingan.

(3) Suatu perjanjian timbangtara hendaklah secara bertulis, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam ceraian (4), yang terkandung dalam —

(a) suatu dokumen yang ditandatangani oleh pihak-pihak itu;

(b) suatu pertukaran surat, teleks, telefaksimile atau cara komunikasi lain yang memberikan suatu rekod perjanjian itu; atau

(4) Jika dalam sebarang prosiding timbangtara atau undang-undang, suatu pihak menegaskan wujudnya suatu perjanjian timbangtara dalam suatu pliding, pernyataan kes atau apa-apa dokumen lain dalam hal keadaan di mana penegasan itu meminta sesuatu jawapan dan penegasan itu tidak dinafikan, maka hendaklah dianggap sebagai suatu penjanjian timbangtara yang berkesan di antara pihak-pihak dalam prosiding itu.

(5) Suatu sebutan dalam suatu bil muatan kepada carterparti atau dokumen lain yang mengandungi suatu fasal timbangtara hendaklah menjadi suatu perjanjian timbangtara jika sebutan itu adalah sedemikian untuk menjadikan fasal itu sebahagian dari bil muatan itu.

Perjanjian timbangtara tidak boleh dibatalkan dengan kematian pihak.

5. (1) Suatu perjanjian timbangtara tidak boleh dibatalkan dengan kematian mana-mana pihak dalam perjanjian itu tetapi hendaklah diteruskan sebagai boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap wakil diri pihak yang telah mati itu.

(2) Kuasa seseorang penimbangtara tidak boleh dibatalkan dengan kematian mana-mana pihak yang telah melantiknya.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dianggap sebagai menyentuh kuatkuasa sebarang undang-undang bertulis atau aturan undang-undang yang menurutnya sebarang hak untuk bertindak dihapuskan dengan kematian seseorang.

BAHAGIAN III

PENANGGUHAN PROSIDING UNDANG-UNDANG

Penangguhan prosiding undang-undang.

6. (1) Jika mana-mana pihak dalam suatu perjanjian timbangtara memulakan sebarang prosiding dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pihak lain dalam perjanjian itu berkaitan dengan apa-apa perkara yang menjadi perkara perjanjian itu, mana-mana pihak dalam perjanjian itu boleh, pada bila-bila masa selepas memasukkan kehadiran dan sebelum menyerahkan sebarang pliding atau mengambil sebarang langkah lain dalam prosiding itu, memohon kepada mahkamah itu untuk menangguhkan prosiding itu setakat mana ia berkaitan dengan perkara itu.

(2) Mahkamah yang kepadanya suatu permohonan telah dibuat menurut ceraian (1) boleh, jika berpuashati bahawa —

(a) tiada terdapat sebab yang mencukupi mengapa perkara itu tidak patut dirujukkan menurut perjanjian timbangtara itu; dan

(b) pemohon bersedia dan mahu melakukan, pada masa apabila prosiding itu dimulakan, dan masih terus bersedia dan mahu melakukan semua perkara yang perlu untuk menjalankan timbangtara itu dengan sepatusnya,

membuat suatu perintah, atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut, yang menangguhkan prosiding itu setakat mana ia berkaitan dengan perkara itu.

(3) Jika sesebuah mahkamah membuat suatu perintah di bawah ceraian (2), mahkamah itu boleh, bagi maksud menjaga hak pihak-pihak itu, membuat

perintah interim atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya patut berkenaan dengan mana-mana harta yang merupakan atau menjadi sebahagian dari perkara pertikaian yang disebut dalam perintah di bawah ceraian itu.

(4) Jika tiada pihak dalam prosiding itu mengambil sebarang langkah lanjut dalam prosiding itu bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun setelah suatu perintah yang menangguhkan prosiding itu dibuat, mahkamah itu boleh, atas usulnya sendiri, membuat suatu perintah yang menghentikan prosiding itu tanpa menjelaskan hak mana-mana pihak itu untuk memohon supaya prosiding yang dihentikan itu dihidupkan semula.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu sebutan kepada suatu pihak termasuk suatu sebutan kepada mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawah pihak itu.

Kuasa mahkamah ke atas penangguhan prosiding.

7. (1) Jika sesebuah mahkamah menangguhkan prosiding di bawah bab 6, mahkamah itu boleh, jika dalam prosiding itu harta telah ditahan atau jaminan atau jaminan lain telah diberikan untuk menghalang atau mendapatkan pelepasan dari penahanan, memerintahkan supaya —

(a) harta yang ditahan itu disimpan sebagai jaminan untuk menyelesaikan apa-apa award yang dibuat ke atas timbangtara itu; atau

(b) penangguhan itu bersyarat atas pemberian jaminan yang sama untuk menyelesaikan apa-apa award tersebut.

(2) Tertakluk kepada Aturan-Aturan Mahkamah dan sebarang pengubahsuaian yang perlu, undang-undang dan amalan yang sama hendaklah dikenakan berhubung dengan harta yang disimpan menurut suatu perintah di bawah bab ini yang akan dikenakan jika ia dipegang bagi maksud-maksud prosiding dalam mahkamah yang membuat perintah itu.

Merujukkan isu interplider kepada timbangtara.

8. Jika dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah pelepasan dengan cara interplider diberikan dan apa-apa isu di antara pihak-pihak menuntut adalah isu yang berkaitan dengannya terdapat suatu perjanjian timbangtara di antara mereka, maka mahkamah yang memberi pelepasan itu boleh mengarahkan supaya isu di antara pihak-pihak menuntut diputuskan menurut perjanjian itu.

BAHAGIAN IV

PERMULAAN PROSIDING TIMBANGTARA

Permulaan prosiding timbangtara.

9. Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, prosiding timbangtara berkaitan dengan sesuatu pertikaian tertentu hendaklah bermula pada tarikh suatu permintaan supaya pertikaian itu dirujukkan kepada timbangtara diterima oleh responden.

Kuasa Mahkamah untuk melanjutkan masa bagi memulakan prosiding timbangtara.

10. (1) Jika terma-terma suatu perjanjian timbangtara untuk merujukkan pertikaian masa depan kepada timbangtara memperuntukkan supaya suatu tuntutan yang dikenakan perjanjian timbangtara itu disekat melainkan jika —

- (a) sesuatu langkah telah diambil untuk memulakan prosedur penyelesaian pertikaian lain yang mesti digunakan sebelum prosiding timbangtara dapat dimulakan;
- (b) notis untuk melantik seorang penimbangtara diberikan;
- (c) seorang penimbangtara dilantik; atau
- (d) sesuatu langkah lain diambil untuk memulakan prosiding timbangtara,

dalam masa yang ditetapkan oleh perjanjian itu dan suatu pertikaian yang dikenakan perjanjian itu telah timbul, Mahkamah boleh, jika pada pendapatnya bahawa dalam hal keadaan kes itu kesusahan yang tidak wajar sebaliknya akan berlaku, melanjutkan masa bagi suatu tempoh dan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu perintah untuk melanjutkan masa yang dibuat oleh Mahkamah di bawah ceraian (1) —

- (a) boleh dibuat hanya setelah sebarang proses timbangtara yang tersedia ada untuk mendapatkan sesuatu lanjutan masa telah digunakan;
- (b) boleh dibuat walaupun masa yang ditetapkan itu telah habis tempohnya; dan
- (c) tidaklah menjelaskan kuatkuasa bab-bab 9 dan 11 dan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkaitan dengan had masa tindakan.

Pengenaan Penggal 14.

11. (1) Akta Had Masa (Penggal 14) hendaklah dikenakan kepada prosiding timbangtara sebagaimana ia dikenakan kepada prosiding di hadapan mana-mana mahkamah dan suatu sebutan dalam Akta itu kepada permulaan apa-apa tindakan hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada permulaan prosiding timbangtara.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa dalam mengira masa yang ditetapkan oleh Akta Had Masa bagi permulaan prosiding (termasuk prosiding timbangtara) berkaitan dengan suatu pertikaian yang menjadi hal-perkara —

(a) suatu award yang Mahkamah memerintahkannya untuk diketepikan atau mengisyiharkannya sebagai tidak mempunyai kuatkuasa; atau

(b) bahagian suatu award yang terjejas yang Mahkamah memerintahkannya untuk diketepikan sebahagiannya atau mengisyiharkannya sebagai tidak mempunyai kuatkuasa sebahagiannya,

tempoh antara permulaan timbangtara itu dan tarikh perintah yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) atau (b) hendaklah dikecualikan.

(3) Dengan tidak menghiraukan apa-apa terma dalam suatu perjanjian timbangtara yang bermaksud bahawa tiada alasan tindakan boleh terakru berkaitan dengan apa-apa perkara yang dikehendaki oleh perjanjian itu untuk dirujukkan sehingga suatu award dibuat di bawah perjanjian itu, alasan tindakan itu hendaklah, bagi maksud Akta Had Masa, dianggap telah terakru berkaitan dengan apa-apa perkara tersebut pada masa apabila ia sepatutnya terakru jika tidak kerana terma tersebut dalam perjanjian itu.

BAHAGIAN V

TRIBUNAL TIMBANGTARA

Bilangan penimbangtara.

12. (1) Pihak-pihak itu adalah bebas untuk menentukan bilangan penimbangtara.

(2) Sekiranya pihak-pihak itu gagal menentukan bilangannya, maka hendaklah ada penimbangtara tunggal.

Lantikan penimbangtara.

13. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tiada sesiapa pun boleh dihalang daripada bertindak sebagai seorang penimbangtara kerana kerakyatannya.

(2) Pihak-pihak itu adalah bebas untuk bersetuju mengenai prosedur melantik penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara.

(3) Jika pihak-pihak itu tidak bersetuju mengenai prosedur melantik penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara —

(a) dalam suatu timbangtara dengan 3 orang penimbangtara, tiap-tiap pihak hendaklah melantik seorang penimbangtara, dan pihak-pihak itu hendaklah dengan persetujuan melantik penimbangtara ketiga; atau

(b) dalam suatu timbangtara dengan penimbangtara tunggal, jika pihak-pihak itu tidak dapat mempersetujui penimbangtara itu, penimbangtara itu hendaklah dilantik, atas permintaan suatu pihak, oleh pihak berkuasa yang melantik.

(4) Jika ceraian (3)(a) dikenakan —

(a) jika suatu pihak gagal melantik seorang penimbangtara dalam masa 30 hari dari menerima permintaan pertama untuk berbuat demikian daripada pihak yang satu lagi; atau

(b) jika 2 pihak tidak bersetuju mengenai lantikan penimbangtara ketiga dalam masa 30 hari dari menerima permintaan pertama oleh salah satu pihak untuk berbuat demikian,

lantikan itu hendaklah dibuat, atas permintaan suatu pihak, oleh pihak berkuasa yang melantik.

(5) Jika, di bawah prosedur lantikan yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu —

(a) suatu pihak gagal bertindak sebagaimana yang dikehendaki di bawah prosedur tersebut;

(b) pihak-pihak itu tidak dapat mencapai suatu persetujuan yang dijangkakan daripada mereka di bawah prosedur tersebut; atau

(c) pihak ketiga, termasuk suatu institusi timbangtara, gagal melaksanakan apa-apa tugas yang diamanahkan kepadanya di bawah prosedur tersebut,

mana-mana pihak boleh memohon kepada pihak berkuasa yang melantik untuk mengambil tindakan yang perlu melainkan jika persetujuan mengenai prosedur lantikan itu memperuntukkan cara lain bagi memastikan lantikan itu.

(6) Jika suatu pihak membuat suatu permintaan atau membuat suatu permohonan kepada pihak berkuasa yang melantik di bawah ceraian-ceraian (3), (4) atau (5), pihak berkuasa yang melantik hendaklah, dalam melantik seorang penimbangtara, memberi perhatian kepada yang berikut —

(a) jenis hal-perkara timbangtara;

(b) adanya mana-mana penimbangtara;

(c) identiti pihak-pihak dalam timbangtara;

(d) apa-apa saranan yang dibuat oleh mana-mana pihak berhubung dengan lantikan mana-mana penimbangtara;

(e) apa-apa kelayakan yang dikehendaki daripada penimbangtara oleh perjanjian timbangtara; dan

(f) pertimbangan yang mungkin memastikan lantikan seorang penimbangtara bebas dan saksama.

(7) Sesuatu lantikan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang melantik tidak boleh dicabar kecuali menurut Perintah ini.

(8) Bagi maksud-maksud Perintah ini, pihak berkuasa yang melantik adalah Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam.

(9) Ketua Hakim boleh, jika difikirkannya patut, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* melantik mana-mana orang lain untuk menjalankan kuasa-kuasa pihak berkuasa yang melantik di bawah bab ini.

Alasan untuk mencabar.

14. (1) Jika mana-mana orang didatangi berhubung dengan kemungkinan orang itu dilantik sebagai seorang penimbangtara, dia hendaklah mendedahkan apa-apa hal keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan berjustifikasi tentang kesaksamaan atau kebebasannya.

(2) Seseorang penimbangtara hendaklah, dari masa lantikannya dan sepanjang prosiding timbangtara, mendedahkan tanpa berlengah-lengah apa-apa hal keadaan yang disebut dalam ceraian (1) kepada pihak-pihak itu, melainkan jika pihak-pihak itu telah pun diberitahu demikian olehnya.

(3) Tertakluk kepada ceraian (4), seseorang penimbangtara boleh dicabar hanya jika —

(a) adanya hal keadaan yang menimbulkan keraguan berjustifikasi tentang kesaksamaan atau kebebasannya; atau

(b) dia tidak memiliki kelayakan yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu.

(4) Suatu pihak yang telah melantik atau mengambil bahagian dalam lantikan mana-mana penimbangtara boleh mencabar penimbangtara itu hanya jika dia menyedari tentang apa-apa alasan untuk mencabar yang dinyatakan dalam ceraian (3) yang mungkin dikenakan kepada penimbangtara itu setelah dia dilantik.

Prosedur mencabar.

15. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai prosedur mencabar seseorang penimbangtara.

(2) Jika pihak-pihak itu tidak bersetuju mengenai prosedur mencabar, suatu pihak yang bercadang hendak mencabar seseorang penimbangtara hendaklah —

(a) dalam masa 15 hari selepas menyedari tentang penubuhan tribunal timbangtara; atau

(b) selepas menyedari apa-apa hal keadaan yang disebut dalam bab 14(3), menghantar suatu pernyataan bertulis kepada tribunal timbangtara tentang alasan untuk mencabar.

(3) Tribunal timbangtara hendaklah, melainkan jika penimbangtara yang dicabar itu menarik diri daripada jawatannya atau pihak yang satu lagi bersetuju dengan cabaran itu, memutuskan mengenai cabaran itu.

(4) Jika sesuatu cabaran di hadapan tribunal timbangtara tidak berjaya, pihak yang tidak puas hati itu boleh, dalam masa 30 hari selepas menerima notis keputusan yang menolak cabaran itu, memohon kepada Mahkamah untuk memutuskan mengenai cabaran itu dan Mahkamah boleh membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Tiada rayuan boleh dikemukakan terhadap keputusan Mahkamah di bawah ceraian (4).

(6) Sementara suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah ceraian (4) belum diputuskan, tribunal timbangtara, termasuk penimbangtara yang dicabar itu, boleh meneruskan prosiding timbangtara dan membuat suatu award.

Kegagalan atau kemustahilan untuk bertindak.

16. (1) Suatu pihak boleh meminta Mahkamah untuk memecat seseorang penimbangtara —

(a) yang tidak berupaya dari segi fizikal atau mental untuk menjalankan prosiding itu atau jika terdapat keraguan berjustifikasi tentang keupayaannya untuk berbuat demikian; atau

(b) yang enggan atau gagal —

(i) menjalankan prosiding itu dengan sempurna; atau

(ii) menyegerakan dengan munasabah perjalanan prosiding itu, atau dalam membuat suatu award,

dan jika ketidakadilan besar telah atau akan berlaku kepada pihak itu.

(2) Jika terdapat suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang diberikan oleh pihak-pihak itu dengan kuasa untuk memecat seseorang penimbangtara, Mahkamah tidak boleh menjalankan kuasanya untuk memecat melainkan jika berpuashati bahawa pemohon telah terlebih dahulu menggunakan apa-apa tindakan yang tersedia ada pada institusi atau orang itu.

(3) Sementara suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah bab ini belum diputuskan, tribunal timbangtara, termasuk penimbangtara yang berkenaan, boleh meneruskan prosiding timbangtara dan membuat suatu award.

(4) Jika Mahkamah memecat seseorang penimbangtara, Mahkamah boleh membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut berkenaan dengan haknya, jika ada, terhadap bayaran atau perbelanjaan, atau pembayaran balik apa-apa bayaran atau perbelanjaan yang telah pun dibayar.

(5) Penimbangtara yang berkenaan berhak untuk hadir dan didengar oleh Mahkamah sebelum Mahkamah membuat apa-apa perintah di bawah bab ini.

(6) Tiada rayuan boleh dikemukakan terhadap keputusan Mahkamah yang dibuat di bawah ceraian (4).

Penimbangtara terhenti daripada memegang jawatan.

17. (1) Kuasa seseorang penimbangtara hendaklah terhenti apabila penimbangtara itu mati.

(2) Seseorang penimbangtara hendaklah terhenti daripada memegang jawatan jika —

- (a) dia menarik diri daripada jawatan di bawah bab 15(3);
- (b) suatu perintah dibuat di bawah bab 15(4) bagi penamatan mandatnya atau pemecatannya;
- (c) dia dipecat oleh Mahkamah di bawah bab 16 atau oleh suatu institusi yang disebut dalam bab 16(2); atau
- (d) pihak-pihak itu bersetuju dengan penamatan mandatnya.

(3) Penarikan diri seseorang penimbangtara atau penamatan mandat seseorang penimbangtara oleh pihak-pihak itu tidak boleh membayangkan penerimaan kesahan apa-apa alasan yang disebut dalam bab-bab 14(3) atau 16(1).

Lantikan penimbangtara ganti.

18. (1) Jika seseorang penimbangtara terhenti daripada memegang jawatan, pihak-pihak itu boleh bersetuju —

- (a) sama ada dan jika demikian bagaimana kekosongan itu akan diisikan;
- (b) sama ada dan jika demikian setakat mana prosiding terdahulu patut diteruskan; dan
- (c) apakah kesannya (jika ada) apabila dia terhenti daripada memegang jawatan ke atas sebarang lantikan yang dibuat olehnya, sama ada bersendirian atau bersesama.

(2) Jika atau setakat mana perjanjian tersebut tidak ada, ceraian-ceraian yang berikut hendaklah dikenakan.

(3) Bab 13 hendaklah dikenakan berhubung dengan pengisian kekosongan yang berkenaan dengan lantikan asal.

(4) Tribunal timbangtara (apabila ditubuhkan semula) hendaklah menentukan sama ada dan jika demikian setakat mana prosiding terdahulu patut diteruskan.

(5) Penubuhan semula tribunal timbangtara tidaklah menjelaskan sebarang hak suatu pihak untuk mencabar prosiding terdahulu atas apa-apa alasan yang telah timbul sebelum penimbangtara itu terhenti daripada memegang jawatan.

(6) Penimbangtara yang terhenti daripada memegang jawatan tidaklah menjelaskan sebarang lantikan penimbangtara lain yang dibuat olehnya, sama ada

bersendirian atau bersesama, khususnya sebarang lantikan seseorang penimbangtara pengerusi.

Keputusan oleh panel penimbangtara.

19. (1) Dalam prosiding timbangtara dengan lebih daripada seorang penimbangtara, apa-apa keputusan tribunal timbangtara hendaklah dibuat, melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, oleh semua atau dengan kelebihan suara semua ahlinya.

(2) Apa-apa persoalan prosedur boleh diputuskan oleh seseorang penimbangtara pengerusi jika dibenarkan demikian oleh pihak-pihak itu atau semua ahli tribunal timbangtara.

Liabiliti penimbangtara.

20. Seseorang penimbangtara tidaklah bertanggungan terhadap —

(a) kecuaian berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan atas sifat penimbangtara itu; atau

(b) apa-apa kesilapan undang-undang, fakta atau prosedur yang dibuat semasa menjalankan prosiding timbangtara atau dalam membuat suatu award timbangtara.

BAHAGIAN VI

BIDANG KUASA TRIBUNAL TIMBANGTARA

Kebolehasingan fasal timbangtara dan kelayakan tribunal timbangtara untuk membuat keputusan mengenai bidang kuasanya sendiri.

21. (1) Tribunal timbangtara boleh membuat keputusan mengenai bidang kuasanya sendiri, termasuk apa-apa bantahan terhadap kewujudan atau kesahan perjanjian timbangtara.

(2) Bagi maksud ceraian (1), suatu fasal timbangtara yang menjadi sebahagian dari suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai suatu perjanjian yang bebas dari terma-terma lain kontrak itu.

(3) Suatu keputusan oleh tribunal timbangtara bahawa kontrak itu adalah tidak sah tidaklah mengikut *ipso jure* (sebagai suatu perkara undang-undang) menyebabkan fasal timbangtara itu tidak sah.

(4) Suatu hujah bahawa tribunal timbangtara tidak mempunyai bidang kuasa hendaklah dibangkitkan tidak lewat dari pengemukaan pernyataan pembelaan.

(5) Suatu pihak tidak boleh dihalang dari membangkitkan hujah bahawa tribunal timbangtara tidak mempunyai bidang kuasa atas fakta bahawa dia telah melantik, atau mengambil bahagian dalam lantikan, seseorang penimbangtara.

(6) Suatu hujah bahawa tribunal timbangtara melebihi skop kuasanya hendaklah dibangkitkan sebaik sahaja perkara yang dikatakan sebagai melebihi skop kuasanya itu dibangkitkan dalam prosiding timbangtara.

(7) Walau pun terdapat sebarang kelengahan dalam membangkitkan suatu hujah yang disebut dalam ceraian-ceraian (4) atau (6), tribunal timbangtara boleh menerima hujah itu jika ia berpendapat kelengahan itu mempunyai justifikasi dalam hal keadaan tersebut.

(8) Tribunal timbangtara boleh membuat keputusan mengenai suatu hujah yang disebut dalam bab ini sama ada sebagai suatu persoalan permulaan atau dalam suatu award mengikut merit.

(9) Jika tribunal timbangtara membuat keputusan mengenai suatu hujah sebagai suatu persoalan permulaan bahawa ia mempunyai bidang kuasa, manapun pihak boleh, dalam masa 30 hari selepas menerima notis keputusan itu, memohon kepada Mahkamah untuk memutuskan perkara itu.

(10) Kebenaran Mahkamah adalah dikehendaki bagi apa-apa rayuan dari suatu keputusan Mahkamah itu di bawah bab ini.

(11) Sementara suatu permohonan di bawah ceraian (9) belum diputuskan, tribunal timbangtara boleh meneruskan prosiding timbangtara dan membuat suatu award.

BAHAGIAN VII

PROSIDING TIMBANGTARA

Kewajipan am tribunal timbangtara.

22. Tribunal timbangtara hendaklah bertindak dengan adil dan saksama dan hendaklah memberi peluang yang munasabah kepada tiap-tiap pihak untuk mengemukakan kesnya.

Penentuan aturan-aturan prosedur.

23. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai prosedur yang akan diikuti oleh tribunal timbangtara dalam menjalankan prosiding.

(2) Sekiranya gagal mencapai persetujuan tersebut, tribunal timbangtara boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, menjalankan timbangtara mengikut cara sebagaimana yang dianggapnya sesuai.

(3) Kuasa yang diberikan kepada tribunal timbangtara di bawah ceraian (2) termasuk kuasa untuk menentukan kebolehenerimaan, kaitan, kepentingan dan keberatan apa-apa keterangan.

Pernyataan tuntutan dan pembelaan.

24. (1) Dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu atau, sekiranya gagal mencapai persetujuan tersebut, sebagaimana yang ditentukan oleh tribunal timbangtara, pihak menuntut hendaklah menyatakan —

- (a) fakta yang menyokong tuntutannya;
- (b) perkara yang menjadi isu; dan
- (c) pelepasan atau remedi yang diminta,

dan responden hendaklah menyatakan pembelaannya berkaitan dengan butir-butir yang dinyatakan dalam ceraian ini, melainkan jika pihak-pihak itu telah bersetuju selainnya dengan unsur-unsur yang dikehendaki dalam pernyataan itu.

(2) Pihak-pihak itu boleh mengemukakan kepada tribunal timbangtara berserta dengan pernyataan mereka, semua dokumen yang mereka anggap berkaitan dan dokumen lain yang merujuk kepada dokumen itu, atau keterangan lain.

(3) Kecuali sebagaimana yang dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, salah satu pihak boleh meminda atau menambah tuntutan atau pembelaannya dalam perjalanan prosiding timbangtara, melainkan jika tribunal timbangtara menganggapnya tidak sesuai untuk membenarkan pindaan itu, dengan mengambil kira kelengahan membuat pindaan itu.

Pendengaran dan prosiding bertulis.

25. (1) Tertakluk kepada sebarang persetujuan yang bertentangan oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara hendaklah menentukan sama ada prosiding hendak dijalankan dengan pendengaran lisan bagi pengemukaan keterangan atau hujah lisan atau berdasarkan dokumen dan bahan lain.

(2) Melainkan jika pihak-pihak itu telah bersetuju bahawa pendengaran tidak boleh diadakan, tribunal timbangtara hendaklah, atas permintaan suatu pihak, mengadakan pendengaran tersebut dalam peringkat prosiding yang sesuai.

(3) Pihak-pihak itu hendaklah diberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu mengenai apa-apa pendengaran dan apa-apa mesyuarat tribunal timbangtara bagi maksud-maksud pemeriksaan dokumen, barang atau harta lain.

(4) Semua pernyataan, dokumen atau maklumat lain yang diberikan kepada tribunal timbangtara oleh satu pihak hendaklah disampaikan kepada pihak yang satu lagi.

(5) Apa-apa laporan pakar atau dokumen keterangan yang tribunal timbangtara mungkin bersandar kepadanya dalam membuat keputusannya hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak itu.

Penyatuan prosiding dan pendengaran bersama.

26. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju —

(a) bahawa prosiding timbangtara hendaklah disatukan dengan prosiding timbangtara lain; atau

(b) bahawa pendengaran bersama hendaklah diadakan,

atas terma-terma sebagaimana yang mungkin dipersetujui.

(2) Melainkan jika pihak-pihak itu bersetuju untuk memberi kuasa tersebut kepada tribunal timbangtara, tribunal itu tidak mempunyai kuasa untuk memerintahkan penyatuan prosiding timbangtara atau pendengaran bersama.

Kuasa untuk melantik pakar.

27. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara boleh —

(a) melantik seorang pakar atau lebih untuk melaporkan kepadanya mengenai isu tertentu untuk diputuskan oleh tribunal itu; atau

(b) menghendaki suatu pihak untuk memberikan kepada pakar itu apa-apa maklumat yang berkaitan atau untuk mengemukakan, atau untuk memberi akses kepada, apa-apa dokumen, barang atau harta lain yang berkaitan bagi pemeriksaannya.

(2) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, jika suatu pihak meminta demikian atau jika tribunal timbangtara menganggapnya perlu, pakar itu hendaklah, selepas laporan bertulis atau lisannya diserahkan, mengambil bahagian dalam pendengaran di mana pihak-pihak itu berpeluang untuk menyoalnya dan untuk mengemukakan saksi pakar yang lain bagi memberikan keterangan mengenai perkara yang menjadi isu.

Kuasa am boleh dijalankan oleh tribunal timbangtara.

28. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh tribunal timbangtara bagi maksud-maksud dan berkenaan dengan prosiding timbangtara.

(2) Tanpa menjelaskan kuasa-kuasa yang diberikan kepada tribunal timbangtara oleh pihak-pihak itu di bawah ceraian (1), tribunal itu hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah atau memberi arahan kepada mana-mana pihak bagi —

(a) jaminan kos;

(b) penzahiran dokumen dan interrogatori;

(c) pemberian keterangan dengan afidavit;

(d) suatu pihak atau saksi diperiksa dengan mengangkat sumpah, dan boleh bagi maksud itu mentadbirkan apa-apa sumpah yang perlu;

(e) penyimpanan dan penjagaan interim apa-apa keterangan bagi maksud-maksud prosiding;

(f) sampel diambil dari, atau apa-apa pemerhatian dibuat atau eksperimen dijalankan ke atas, apa-apa harta yang merupakan atau menjadi sebahagian dari hal-perkara pertikaian itu; dan

(g) penyimpanan, penjagaan interim atau penjualan apa-apa harta yang merupakan atau menjadi sebahagian dari hal-perkara pertikaian itu.

(3) Kuasa tribunal timbangtara untuk memerintahkan supaya pihak menuntut memberi jaminan kos yang disebut dalam ceraian (2)(a) tidak boleh dijalankan hanya kerana pihak menuntut adalah —

(a) seorang individu yang biasanya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(b) suatu perbadanan atau persatuan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam, atau yang pengurusan dan kawalan pusatnya dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam.

(4) Semua perintah atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh suatu tribunal timbangtara semasa menjalankan suatu timbangtara boleh dikuatkuasakan, dengan kebenaran Mahkamah, mengikut cara yang sama seolah-olah ia adalah perintah yang dibuat oleh Mahkamah dan, jika kebenaran diberikan demikian, pengakiman boleh dicatatkan atas terma-terma perintah atau arahan itu.

Kuasa tribunal timbangtara sekiranya suatu pihak ingkar.

29. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh tribunal timbangtara sekiranya suatu pihak gagal mengambil apa-apa tindakan yang perlu bagi menjalankan prosiding dengan sempurna dan cepat.

(2) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, jika, tanpa menunjukkan sebab yang mencukupi —

(a) pihak menuntut gagal menyampaikan pernyataan tuntutannya menurut bab 24, tribunal timbangtara boleh menamatkan prosiding;

(b) responden gagal menyampaikan pernyataan pembelaannya menurut bab 24, tribunal timbangtara boleh meneruskan prosiding tanpa menyifatkan kegagalan itu dengan sendirinya sebagai suatu penerimaan terhadap tuduhan pihak menuntut; dan

(c) mana-mana pihak gagal hadir dalam suatu pendengaran atau mengemukakan apa-apa keterangan berdokumen, tribunal timbangtara boleh meneruskan prosiding dan membuat award atas keterangan di hadapannya.

(3) Jika tribunal timbangtara berpuashati bahawa terdapat kelengahan yang melampau dan tidak dapat dimaafkan di pihak-pihak menuntut dalam meneruskan tuntutannya, dan kelengahan itu —

(a) menimbulkan, atau mungkin menimbulkan, suatu risiko besar yang tidak memungkinkan mendapat suatu penyelesaian yang adil bagi isu-isu dalam tuntutan itu; atau

(b) telah menyebabkan, atau mungkin menyebabkan, kemudaratuan besar kepada responden,

tribunal itu boleh membuat suatu award yang menolak tuntutan itu.

Saksi-saksi boleh dipanggil dengan sepina.

30. (1) Mana-mana pihak dalam suatu perjanjian timbangtara boleh mengeluarkan suatu sepina untuk memberi keterangan atau untuk mengemukakan dokumen.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa suatu sepina untuk memberi keterangan atau untuk mengemukakan dokumen hendaklah dikeluarkan bagi memaksa kehadiran di hadapan suatu tribunal timbangtara seseorang saksi di mana sahaja saksi itu berada di dalam Negara Brunei Darussalam.

(3) Mahkamah boleh juga mengeluarkan suatu perintah di bawah bab 32(1) dari Akta Penjara (Penggal 51) untuk membawa seseorang banduan bagi pemeriksaan di hadapan suatu tribunal timbangtara.

(4) Tiada sesiapa pun boleh dipaksa di bawah mana-mana sepina itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dia tidak boleh dipaksa untuk mengemukakannya dalam perbicaraan sesuatu tindakan.

Kuasa Mahkamah boleh dijalankan bagi menyokong prosiding timbangtara.

31. (1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut bagi maksud dan berkenaan dengan suatu timbangtara yang dikenakan Perintah ini —

(a) kuasa yang sama untuk membuat perintah berkaitan dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam bab 28 seperti yang dipunyainya bagi maksud dan berkenaan dengan suatu tindakan atau perkara dalam Mahkamah;

(b) menjamin amaun yang dipertikaikan;

(c) memastikan bahawa apa-apa award yang mungkin dibuat dalam prosiding timbangtara tidak dijadikan tidak berkuatkuasa melalui pelepasan aset oleh suatu pihak; dan

(d) suatu injunksi interim atau apa-apa langkah interim yang lain.

(2) Suatu perintah Mahkamah di bawah bab ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa seluruhnya atau sebahagiannya jika tribunal timbangtara atau mana-mana institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang

mempunyai kuasa untuk bertindak berkenaan dengan hal-perkara perintah itu membuat suatu perintah yang disebut dalam perintah Mahkamah itu.

(3) Mahkamah, pada menjalankan sebarang kuasa di bawah bab ini, hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) mana-mana permohonan yang dibuat di hadapan tribunal timbangtara; atau

(b) apa-apa perintah yang dibuat oleh tribunal timbangtara,

berkaitan dengan isu yang sama.

(4) Peruntukan boleh dibuat oleh Aturan-Aturan Mahkamah untuk memberi kepada Pendaftar Mahkamah Besar semua atau mana-mana bidang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini kepada Mahkamah.

BAHAGIAN VIII

AWARD

Undang-undang dikenakan kepada isi hal pertikaian.

32. (1) Tribunal timbangtara hendaklah memutuskan pertikaian menurut undang-undang yang dipilih oleh pihak-pihak itu yang dikenakan kepada isi hal pertikaian.

(2) Jika atau setakat mana pihak-pihak itu belum memilih undang-undang yang dikenakan kepada isi hal pertikaian mereka, tribunal timbangtara hendaklah mengenakan undang-undang yang ditentukan oleh aturan-aturan percanggahan undang-undang.

(3) Tribunal timbangtara boleh memutuskan pertikaian, jika pihak-pihak itu bersetuju demikian, menurut pertimbangan lain yang dipersetujui oleh mereka atau ditentukan oleh tribunal itu.

Award dibuat atas isu-isu yang berlainan.

33. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara boleh membuat lebih dari satu award pada masa-masa yang berlainan semasa prosiding atas aspek-aspek yang berlainan mengenai perkara-perkara yang akan diputuskan.

(2) Tribunal timbangtara boleh, khususnya, membuat suatu award berkenaan dengan —

(a) suatu isu yang menyentuh keseluruhan tuntutan; atau

(b) sebahagian sahaja dari tuntutan, tuntutan balas atau tuntutan silang, yang dikemukakan kepada tribunal itu untuk diputuskan.

(3) Jika tribunal timbangtara membuat suatu award di bawah bab ini, tribunal itu hendaklah menyatakan dalam awardnya isu, atau tuntutan atau sebahagian dari suatu tuntutan, yang menjadi hal-perkara award itu.

Remedi.

34. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh tribunal timbangtara berhubung dengan remedii.

(2) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara boleh mengaward apa-apa remedii atau pelepasan yang mungkin telah diperintahkan oleh Mahkamah jika pertikaian adalah perkara prosiding sivil dalam Mahkamah itu.

Faedah.

35. (1) Tribunal timbangtara boleh mengaward faedah, termasuk faedah berdasarkan kompaun, atas keseluruhan atau mana-mana bahagian dari sebarang jumlah wang yang —

(a) diaward kepada mana-mana pihak; atau

(b) menjadi isu dalam prosiding timbangtara tetapi dibayar sebelum tarikh award itu,

bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh sehingga tarikh award atau pembayaran itu, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Suatu jumlah wang yang diarahkan untuk dibayar dengan suatu award hendaklah, melainkan jika award itu mengarahkan selainnya, dikenakan faedah mulai dari tarikh award itu dan pada kadar yang sama dengan suatu hutang penghakiman.

Lanjutan masa untuk membuat award.

36. (1) Jika masa untuk membuat suatu award dihadkan oleh perjanjian timbangtara, Mahkamah boleh dengan perintah, melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, melanjutkan masa tersebut.

- (2) Suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini boleh dibuat —
- (a) dengan notis kepada pihak-pihak itu, oleh tribunal timbangtara; atau
- (b) dengan notis kepada tribunal timbangtara dan pihak-pihak lain, oleh mana-mana pihak dalam prosiding.
- (3) Suatu permohonan di bawah bab ini tidak boleh dibuat melainkan jika semua proses tribunal yang tersedia ada bagi permohonan untuk melanjutkan masa telah digunakan.
- (4) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah bab ini melainkan jika berpuashati bahawa ketidakadilan besar sebaliknya akan berlaku.
- (5) Mahkamah boleh melanjutkan masa bagi suatu tempoh dan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut, dan boleh berbuat demikian sama ada atau tidak masa yang ditetapkan dahulunya oleh atau di bawah perjanjian timbangtara atau oleh suatu perintah terdahulu telah tamat tempohnya.
- (6) Kebenaran Mahkamah adalah dikehendaki bagi sebarang rayuan dari suatu keputusan Mahkamah di bawah bab ini.

Award dengan persetujuan.

37. (1) Jika, semasa prosiding timbangtara, pihak-pihak itu menyelesaikan pertikaian, tribunal timbangtara hendaklah menamatkan prosiding itu dan, jika diminta oleh pihak-pihak itu dan tidak dibantah oleh tribunal timbangtara, merekodkan penyelesaian tersebut dalam bentuk suatu award timbangtara atas terma-terma yang dipersetujui.
- (2) Suatu award timbangtara atas terma-terma yang dipersetujui —
- (a) hendaklah dibuat menurut bab 38;
- (b) hendaklah menyatakan bahawa ia adalah suatu award; dan
- (c) hendaklah mempunyai status dan kesan sama seperti apa-apa award lain mengikut merit kes itu.
- (3) Suatu award atas terma-terma yang dipersetujui boleh, dengan kebenaran Mahkamah, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama dengan suatu penghakiman atau perintah yang sama maksudnya, dan jika kebenaran diberikan demikian, penghakiman boleh dicatatkan mengikut terma-terma award itu.

Bentuk dan kandungan award.

38. (1) Award itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah ditandatangani —

(a) dalam hal penimbangtara tunggal, oleh penimbangtara itu sendiri; atau

(b) dalam hal 2 orang penimbangtara atau lebih, oleh semua penimbangtara itu atau majoriti penimbangtara itu dengan syarat bahawa sebab bagi peninggalan tandatangan mana-mana penimbangtara dinyatakan.

(2) Award itu hendaklah menyatakan sebab-sebab yang atasnya ia diasaskan, melainkan jika pihak-pihak itu telah bersetuju bahawa alasan tidak akan dinyatakan atau award itu adalah suatu award atas terma-terma yang dipersetujui di bawah bab 37.

(3) Tarikh award dan tempat timbangtara itu hendaklah dinyatakan dalam award itu.

(4) Award itu hendaklah dianggap telah dibuat di tempat timbangtara itu.

(5) Selepas award itu dibuat, satu salinan award itu yang ditandatangani oleh penimbangtara-penimbangtara menurut ceraian (1) hendaklah diserahkan kepada tiap-tiap pihak.

Kos timbangtara.

39. (1) Sebarang kos yang diarahkan oleh suatu award untuk dibayar hendaklah, melainkan jika award itu mengarahkan selainnya, ditetapkan oleh Pendaftar Mahkamah Besar.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), sebarang peruntukan dalam suatu perjanjian timbangtara yang bermaksud bahawa pihak-pihak itu atau mana-mana pihak hendaklah dalam apa-apa keadaan membayar kos mereka atau kosnya sendiri bagi rujukan atau award itu atau mana-mana bahagiannya adalah tidak sah; dan Perintah ini hendaklah, dalam hal suatu perjanjian timbangtara yang mengandungi sebarang peruntukan tersebut, berkuatkuasa seolah-olah peruntukan tersebut tidak ada.

(3) Ceraian (2) tidak boleh dikenakan jika suatu peruntukan dalam suatu perjanjian timbangtara yang bermaksud bahawa pihak-pihak itu atau mana-mana pihak hendaklah dalam apa-apa keadaan membayar kos mereka atau kosnya sendiri adalah sebahagian dari suatu perjanjian untuk mengemukakan kepada timbangtara suatu pertikaian yang telah timbul sebelum perjanjian tersebut dibuat.

(4) Jika tiada peruntukan dibuat oleh suatu award berkenaan dengan kos rujukan itu, mana-mana pihak dalam rujukan itu boleh, dalam masa 14 hari dari penyampaian award itu atau masa yang lebih lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh tribunal timbangtara, memohon kepada tribunal timbangtara bagi suatu perintah yang mengarahkan oleh siapa dan kepada siapa kos tersebut akan dibayar.

(5) Tribunal timbangtara hendaklah, selepas memberi kepada pihak-pihak itu suatu peluang yang munasabah untuk didengar, meminda awardnya dengan menambah kepadanya arahan sebagaimana yang difikirkannya patut berkenaan dengan pembayaran kos rujukan itu.

Bayaran penimbangtara.

40. (1) Pihak-pihak itu bertanggungan secara bersamaan dan berasingan untuk membayar kepada penimbangtara-penimbangtara bayaran dan perbelanjaan yang munasabah yang bersesuaian dalam hal keadaan tersebut.

(2) Melainkan jika bayaran tribunal timbangtara telah ditetapkan dengan perjanjian bertulis atau perjanjian tersebut telah membuat peruntukan bagi penentuan bayaran oleh seseorang atau institusi yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mana-mana pihak dalam timbangtara itu boleh menghendaki supaya bayaran tersebut ditetapkan oleh Pendaftar Mahkamah Besar.

Kuasa untuk menahan award sekiranya tidak membayar.

41. (1) Tribunal timbangtara boleh enggan menyampaikan suatu award kepada pihak-pihak itu jika pihak-pihak itu belum membuat pembayaran sepenuhnya bagi bayaran dan perbelanjaan penimbangtara-penimbangtara.

(2) Jika ceraian (1) dikenakan, suatu pihak dalam prosiding timbangtara boleh, dengan notis kepada pihak-pihak lain dan tribunal timbangtara, memohon kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan bahawa —

(a) tribunal timbangtara hendaklah menyampaikan award itu selepas pemohon membayar ke dalam Mahkamah bayaran dan perbelanjaan tersebut, atau suatu amaun yang kurang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah;

(b) amaun bayaran dan perbelanjaan yang dituntut itu hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar Mahkamah Besar; dan

(c) dari wang yang dibayar ke dalam Mahkamah, tribunal timbangtara hendaklah dibayar bayaran dan perbelanjaan yang mungkin didapati sebagai kena dibayar dengan sepatutnya dan baki wang tersebut (jika ada) hendaklah dibayar kepada pemohon.

(3) Suatu penetapan bayaran di bawah bab ini hendaklah dikaji semula mengikut cara yang sama dengan suatu penetapan kos.

(4) Penimbangtara adalah berhak untuk hadir dan didengar mengenai sebarang penetapan atau kajian semula penetapan di bawah bab ini.

(5) Bagi maksud bab ini, amaun bayaran dan perbelanjaan yang kena dibayar dengan sepatutnya adalah amaun yang pemohon bertanggungan untuk membayarnya di bawah bab 40 atau di bawah sebarang perjanjian berkenaan dengan pembayaran bayaran dan perbelanjaan penimbangtara-penimbangtara.

(6) Tiada permohonan kepada Mahkamah boleh dibuat melainkan jika Mahkamah berpuashati bahawa pemohon telah terlebih dahulu menggunakan sebarang proses timbangtara yang tersedia ada bagi rayuan atau kajian semula amaun bayaran atau perbelanjaan penimbangtara-penimbangtara.

(7) Bab ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang diberikan kuasa oleh pihak-pihak itu berkenaan dengan penyampaian award itu oleh tribunal tersebut dan sebarang sebutan kepada bayaran dan perbelanjaan penimbangtara-penimbangtara hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk bayaran dan perbelanjaan institusi atau orang itu.

(8) Kebenaran Mahkamah adalah dikehendaki bagi sebarang rayuan dari suatu keputusan Mahkamah di bawah bab ini.

Mahkamah boleh mencagarkan harta dengan pembayaran kos peguamcara dalam timbangtara.

42. Bab 58(1) dari Akta Ikhtisas Peguam (Penggal 132) hendaklah dikenakan seolah-olah suatu timbangtara adalah suatu prosiding dalam Mahkamah, dan Mahkamah boleh membuat pengisytiharan dan perintah dengan sewajarnya.

Pembetulan atau tafsiran award dan award tambahan.

43. (1) Suatu pihak boleh, dalam masa 30 hari dari penerimaan award itu, melainkan jika tempoh masa yang lain telah dipersetujui oleh pihak-pihak itu —

/a/ dengan notis kepada pihak-pihak lain, meminta tribunal timbangtara untuk membetulkan dalam award itu apa-apa kesilapan pengiraan, apa-apa kesilapan perkeranian atau taipan, atau apa-apa kesilapan lain yang seumpamanya; dan

/b/ dengan notis kepada pihak-pihak lain, meminta tribunal timbangtara untuk memberikan suatu tafsiran tentang suatu perkara tertentu atau sebahagian dari award itu, jika permintaan tersebut juga dipersetujui oleh pihak-pihak lain.

(2) Jika tribunal timbangtara berpendapat permintaan dalam ceraian (1) sebagai mempunyai justifikasi, tribunal itu hendaklah membuat pembetulan tersebut atau memberikan tafsiran tersebut dalam masa 30 hari dari penerimaan permintaan itu dan tafsiran tersebut hendaklah menjadi sebahagian dari award itu.

(3) Tribunal timbangtara boleh membetulkan apa-apa jenis kesilapan yang disebut dalam ceraian (1)/a) atau memberikan suatu tafsiran yang disebut dalam ceraian (1)/b), atas daya usahanya sendiri, dalam masa 30 hari dari tarikh award itu.

(4) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, suatu pihak boleh, dalam masa 30 hari dari penerimaan award itu dan dengan notis kepada pihak yang satu lagi, meminta tribunal timbangtara untuk membuat suatu award tambahan tentang tuntutan yang dikemukakan semasa prosiding timbangtara tetapi ditinggalkan dari award itu.

(5) Jika tribunal timbangtara berpendapat permintaan dalam ceraian (4) sebagai mempunyai justifikasi, tribunal tersebut hendaklah membuat award tambahan itu dalam masa 60 hari dari penerimaan permintaan tersebut.

(6) Tribunal timbangtara boleh, jika perlu, melanjutkan tempoh masa yang dalam tempoh itu tribunal tersebut hendaklah membuat suatu pembetulan, tafsiran atau suatu award tambahan di bawah bab ini.

(7) Bab 38 hendaklah dikenakan kepada suatu award yang berkaitan dengannya suatu pembetulan atau tafsiran telah dibuat di bawah bab ini dan kepada suatu award tambahan.

Kesan award.

44. (1) Suatu award yang dibuat oleh tribunal timbangtara menurut suatu perjanjian timbangtara adalah muktamad dan terikat kepada pihak-pihak itu dan kepada mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawahnya dan boleh disandarkan oleh mana-mana pihak sebagai pembelaan, tolakan atau pun selainnya dalam sebarang prosiding dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 43, apabila suatu award dibuat, termasuk suatu award yang dibuat menurut bab 33, tribunal timbangtara tidak boleh mengubah, meminda, membetulkan, mengkaji semula, menambah atau membatalkan award itu.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (2), suatu award dibuat apabila award itu telah ditandatangani dan diserahkan menurut bab 38.

(4) Bab ini tidaklah menjelaskan hak seseorang untuk mencabar award itu dengan sebarang proses rayuan atau kajian semula timbangtara yang tersedia ada atau menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini.

BAHAGIAN IX

KUASA-KUASA MAHKAMAH BERKENAAN DENGAN AWARD

Pemutusan perkara undang-undang permulaan.

45. (1) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, Mahkamah boleh, atas permohonan suatu pihak dalam prosiding timbangtara yang telah memberikan notis kepada pihak-pihak lain, memutuskan apa-apa persoalan undang-undang yang timbul dalam perjalanan prosiding itu yang Mahkamah berpuashati banyak menjelaskan hak-hak satu pihak atau lebih.

(2) Mahkamah tidak boleh menimbangkan suatu permohonan di bawah bab ini melainkan jika —

(a) permohonan itu dibuat dengan persetujuan semua pihak dalam prosiding itu; atau

(b) permohonan itu dibuat dengan kebenaran tribunal timbangtara dan Mahkamah berpuashati bahawa —

(i) pemutusan persoalan itu mungkin menghasilkan penjimatan kos yang banyak; dan

(ii) permohonan itu dibuat tanpa berlengah-lengah.

(3) Permohonan itu hendaklah mengenalpasti persoalan undang-undang yang hendak diputuskan dan, kecuali jika dibuat dengan persetujuan semua pihak dalam prosiding itu, hendaklah menyatakan alasan di mana dikatakan bahawa persoalan itu patut diputuskan oleh Mahkamah.

(4) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak itu, tribunal timbangtara boleh meneruskan prosiding timbangtara dan membuat suatu award sementara suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah bab ini belum diputuskan.

(5) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, tiada rayuan boleh dikemukakan dari suatu keputusan Mahkamah mengenai sama ada syarat-syarat dalam ceraian (2) dipenuhi.

(6) Keputusan Mahkamah mengenai suatu persoalan undang-undang adalah suatu penghakiman Mahkamah bagi maksud-maksud suatu rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

(7) Mahkamah boleh memberi kebenaran untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah dalam ceraian (6) hanya jika ia berpendapat bahawa persoalan undang-undang di hadapannya adalah persoalan undang-undang yang penting pada amnya, atau adalah persoalan undang-undang yang kerana sesuatu sebab khas yang lain patut dipertimbangkan oleh Mahkamah Rayuan.

Penguatkuasaan award.

46. (1) Suatu award yang dibuat oleh tribunal timbangtara menurut suatu perjanjian timbangtara boleh, dengan kebenaran Mahkamah, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama dengan suatu penghakiman atau perintah Mahkamah dengan kesan yang sama.

(2) Jika kebenaran Mahkamah diberikan demikian, penghakiman boleh dicatatkan mengikut terma-terma award itu.

(3) Dengan tidak menghiraukan bab 3, ceraian (1) hendaklah dikenakan kepada suatu award tidak kira sama ada tempat timbangtara adalah Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain.

Tiada kajian semula kehakiman award.

47. Mahkamah tidaklah mempunyai bidang kuasa untuk mengesahkan, mengubah, mengetepikan atau meremiti suatu award atas suatu perjanjian timbangtara kecuali jika diperuntukkan demikian dalam Perintah ini.

Mahkamah boleh mengetepikan award.

48. (1) Suatu award boleh diketepikan oleh Mahkamah —

(a) jika pihak yang memohon kepada Mahkamah untuk mengetepikan award itu membuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa —

- (i) suatu pihak dalam perjanjian timbangtara tidak berkeupayaan;
- (ii) perjanjian timbangtara tidak sah di bawah undang-undang yang kepadanya pihak-pihak itu tertakluk atau, sekiranya tidak ada apa-apa tanda mengenainya, di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam;

- (iii) pihak yang membuat permohonan itu tidak diberikan notis yang sepatutnya mengenai lantikan seseorang penimbangtara atau prosiding timbangtara atau pun selainnya tidak dapat mengemukakan kesnya;
 - (iv) award itu berhubungan dengan suatu pertikaian yang tidak dijangkakan oleh atau tidak termasuk di bawah terma-terma pengemukaan kepada timbangtara, atau mengandungi keputusan mengenai perkara-perkara yang melampaui skop pengemukaan kepada timbangtara, kecuali bahawa, jika keputusan mengenai perkara-perkara yang dikemukakan kepada timbangtara dapat diasingkan dari perkara-perkara yang tidak dikemukakan itu, hanya bahagian award yang mengandungi keputusan mengenai perkara-perkara yang tidak dikemukakan itu sahaja boleh diketepikan;
 - (v) keanggotaan tribunal timbangtara atau prosedur timbangtara tidak menurut persetujuan pihak-pihak itu, melainkan jika persetujuan tersebut bertentangan dengan sebarang peruntukan Perintah ini yang darinya pihak-pihak itu tidak boleh mengurangkannya atau, sekiranya persetujuan tersebut tidak ada, bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini;
 - (vi) pembuatan award itu telah didorong atau terjejas oleh penipuan atau rasuah; atau
 - (vii) pelanggaran aturan-aturan keadilan asasi berlaku berhubung dengan pembuatan award yang telah menjelaskan hak mana-mana pihak; atau
- /b/ jika Mahkamah mendapati bahawa —
- (i) hal-perkara pertikaian itu tidak dapat diselesaikan dengan timbangtara di bawah Perintah ini; atau
 - (ii) award itu bertentangan dengan dasar awam.

(2) Suatu permohonan bagi mengetepikan suatu award tidak boleh dibuat selepas tamatnya tempoh 3 bulan dari tarikh pihak yang membuat permohonan itu telah menerima award itu, atau jika suatu permintaan telah dibuat di bawah bab 43, dari tarikh permintaan itu telah diselesaikan oleh tribunal timbangtara.

(3) Apabila suatu pihak memohon kepada Mahkamah untuk mengetepikan suatu award di bawah bab ini, Mahkamah boleh, jika bersesuaian dan diminta demikian oleh suatu pihak, menggantung prosiding bagi mengetepikan award itu, bagi suatu tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya, untuk

membolehkan tribunal timbangtara menyambung prosiding timbangtara atau mengambil tindakan lain yang boleh menghapuskan alasan bagi mengetepikan award itu.

Rayuan terhadap award.

49. (1) Suatu pihak dalam prosiding timbangtara boleh, dengan notis kepada pihak-pihak lain dan tribunal timbangtara, merayu kepada Mahkamah mengenai suatu persoalan undang-undang yang timbul dari suatu award yang dibuat dalam prosiding itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), pihak-pihak itu boleh bersetuju untuk mengecualikan bidang kuasa Mahkamah di bawah bab ini dan suatu persetujuan untuk mengenepikan sebab-sebab bagi award tribunal timbangtara hendaklah disifatkan sebagai suatu persetujuan untuk mengecualikan bidang kuasa Mahkamah di bawah bab ini.

(3) Suatu rayuan tidak boleh dibawa di bawah bab ini kecuali —

- (a) dengan persetujuan semua pihak lain dalam prosiding itu; atau
- (b) dengan kebenaran Mahkamah.

(4) Hak untuk merayu di bawah bab ini hendaklah tertakluk kepada sekatan-sekatan dalam bab 50.

(5) Kebenaran untuk merayu hendaklah diberikan hanya jika Mahkamah berpuashati bahawa —

(a) pemutusan persoalan itu akan banyak menjaskan hak-hak satu pihak atau lebih;

(b) persoalan itu adalah persoalan yang tribunal timbangtara diminta untuk memutuskannya;

(c) berasaskan kepada dapatan fakta dalam award itu —

(i) keputusan tribunal timbangtara mengenai persoalan itu jelas salah; atau

(ii) persoalan itu adalah persoalan penting bagi orang ramai dan keputusan tribunal timbangtara sekurang-kurangnya terdedah kepada keraguan yang serius; dan

(d) meskipun pihak-pihak itu bersetuju untuk menyelesaikan perkara itu dengan timbangtara, adalah adil dan patut dalam semua hal keadaan bagi Mahkamah untuk memutuskan persoalan itu.

(6) Suatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu di bawah bab ini hendaklah mengenalpasti persoalan undang-undang yang hendak diputuskan dan menyatakan alasan di mana dikatakan bahawa kebenaran untuk merayu patut diberikan.

(7) Kebenaran Mahkamah adalah dikehendaki bagi sebarang rayuan dari suatu keputusan Mahkamah di bawah bab ini untuk memberi atau enggan memberi kebenaran untuk merayu.

(8) Mengenai suatu rayuan di bawah bab ini, Mahkamah boleh dengan perintah –

(a) mengesahkan award itu;

(b) mengubah award itu;

(c) menghantar balik award itu kepada tribunal timbangtara, seluruhnya atau sebahagiannya, untuk dipertimbangkan semula berdasarkan keputusan Mahkamah; atau

(d) mengetepikan award itu seluruhnya atau sebahagiannya.

(9) Mahkamah tidak boleh menjalankan kuasanya untuk mengetepikan suatu award, seluruhnya atau sebahagiannya, melainkan jika berpuashati bahawa adalah tidak bersesuaian untuk menghantar balik perkara-perkara yang berkenaan itu kepada tribunal timbangtara untuk dipertimbangkan semula.

(10) Keputusan Mahkamah mengenai suatu rayuan di bawah bab ini hendaklah disifatkan sebagai suatu penghakiman Mahkamah bagi maksud-maksud suatu rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

(11) Mahkamah boleh memberi kebenaran untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah dalam ceraian (10) hanya jika ia berpendapat bahawa persoalan undang-undang di hadapannya adalah persoalan undang-undang yang penting pada amnya, atau adalah persoalan undang-undang yang kerana sesuatu sebab khas yang lain patut dipertimbangkan oleh Mahkamah Rayuan.

Peruntukan-peruntukan tambahan untuk merayu di bawah bab 49.

50. (1) Bab ini hendaklah dikenakan kepada suatu permohonan atau rayuan di bawah bab 49.

(2) Suatu permohonan atau rayuan tidak boleh dibawa jika pemohon atau perayu terlebih dahulu belum menggunakan —

(a) sebarang proses rayuan atau kajian semula timbangtara yang tersedia ada; dan

(b) apa-apa tindakan yang tersedia ada di bawah bab 43.

(3) Sebarang permohonan atau rayuan hendaklah dibawa dalam masa 28 hari dari tarikh award itu atau, jika terdapat sebarang proses rayuan atau kajian semula timbangtara, dari tarikh apabila pemohon atau perayu telah diberitahu mengenai keputusan proses itu.

(4) Jika atas suatu permohonan atau rayuan pada pendapat Mahkamah bahawa award itu —

(a) tidak mengandungi sebab-sebab tribunal timbangtara; atau

(b) tidak menyatakan sebab-sebab tribunal timbangtara dengan butiran yang mencukupi untuk membolehkan Mahkamah menimbangkan dengan sepatutnya permohonan atau rayuan itu,

Mahkamah boleh memerintahkan tribunal timbangtara untuk menyatakan sebab-sebab bagi awardnya dengan butiran yang mencukupi bagi maksud itu.

(5) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah ceraian (4), Mahkamah boleh membuat suatu perintah lanjut sebagaimana yang difikirkannya patut berkenaan dengan sebarang kos tambahan timbangtara yang berbangkit dari perintahnya.

(6) Mahkamah boleh memerintahkan pemohon atau perayu untuk memberi jaminan bagi kos permohonan atau rayuan itu, dan boleh mengarahkan supaya permohonan atau rayuan itu ditolak jika perintah itu tidak dipatuhi.

(7) Kuasa untuk memerintahkan jaminan kos tidak boleh dijalankan hanya kerana pemohon atau perayu adalah —

(a) seorang individu yang biasanya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(b) suatu perbadanan atau persatuan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam atau yang pengurusan dan kawalan pusatnya dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam.

(8) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa apa-apa wang yang kena dibayar di bawah award itu hendaklah dibawa ke dalam Mahkamah atau pun selainnya dijamin sementara menunggu keputusan permohonan atau rayuan itu, dan boleh mengarahkan supaya permohonan atau rayuan itu ditolak jika perintah itu tidak dipatuhi.

(9) Mahkamah boleh memberi kebenaran untuk merayu tertakluk kepada syarat-syarat yang mempunyai kesan yang sama atau serupa dengan suatu perintah di bawah ceraian-ceraian (6) atau (8) dan ini tidaklah menjelaskan budibicara am Mahkamah untuk memberi kebenaran tertakluk kepada syarat-syarat.

Kesan perintah Mahkamah atas rayuan terhadap award.

51. (1) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah bab 49 berkenaan dengan suatu award, ceraian-ceraian (2), (3) dan (4) hendaklah dikenakan.

(2) Jika award itu diubah oleh Mahkamah, perubahan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa sebagai sebahagian dari award tribunal timbangtara.

(3) Jika award itu dihantar balik kepada tribunal timbangtara, seluruhnya atau sebahagiannya, untuk dipertimbangkan semula, tribunal itu hendaklah membuat suatu award baru berkaitan dengan perkara-perkara yang dihantar balik dalam masa 3 bulan dari tarikh perintah penghantaran balik atau suatu tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

(4) Jika award itu diketepikan atau diisytiharkan sebagai tidak mempunyai kuatkuasa, seluruhnya atau sebahagiannya, Mahkamah boleh juga memerintahkan bahawa sebarang peruntukan bahawa suatu award adalah suatu syarat sebelum membawa prosiding undang-undang berkaitan dengan sesuatu perkara yang dikenakan perjanjian timbangtara, tidaklah mempunyai kuatkuasa berhubung dengan hal-perkara award itu atau, mengikut mana yang berkenaan, bahagian award itu yang berkaitan.

Permohonan bagi kebenaran Mahkamah dll.

52. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran Mahkamah untuk merayu atau suatu permohonan yang disebut dalam bab-bab 21(10), 36(6) atau 49(3)/b) atau (7) hendaklah dibuat mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam Aturan-Aturan Mahkamah.

(2) Mahkamah hendaklah memutuskan suatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu tanpa suatu pendengaran melainkan jika pada pendapat Mahkamah bahawa suatu pendengaran adalah dikehendaki.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini –

(a) suatu permohonan bagi kebenaran Mahkamah boleh didengar dan diputuskan oleh seseorang Hakim dalam Kamar; dan

(b) Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai kuasa dan bidang kuasa mengenai pendengaran permohonan tersebut sama seperti yang dipunyai oleh Mahkamah Tinggi atau mana-mana Hakim dalam Kamar mengenai pendengaran permohonan tersebut.

BAHAGIAN X

AM

Notis dan kehendak lain berhubung dengan prosiding undang-undang.

53. (1) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada suatu permohonan, rayuan atau langkah lain berkenaan dengan prosiding undang-undang yang diambil dengan notis kepada pihak-pihak lain dalam prosiding timbangtara, atau kepada tribunal timbangtara, adalah sebutan-sebutan kepada notis proses pemula sebagaimana yang dikehendaki oleh Aturan-Aturan Mahkamah.

(2) Tertakluk kepada sebarang peruntukan yang dibuat oleh Aturan-Aturan Mahkamah, suatu kehendak untuk memberi notis kepada tribunal timbangtara mengenai prosiding undang-undang hendaklah ditafsirkan –

(a) jika terdapat lebih daripada seorang penimbangtara, sebagai suatu kehendak untuk memberi notis kepada setiap seorang daripada mereka; dan

(b) jika tribunal timbangtara tidak ditubuhkan sepenuhnya, sebagai suatu kehendak untuk memberi notis kepada mana-mana penimbangtara yang telah dilantik.

(3) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada membuat suatu permohonan atau rayuan kepada Mahkamah dalam suatu tempoh tertentu adalah sebutan-sebutan kepada isu dalam tempoh proses pemula yang berkenaan itu menurut Aturan-Aturan Mahkamah.

(4) Jika sebarang peruntukan Perintah ini menghendaki suatu permohonan atau rayuan dibuat kepada Mahkamah dalam tempoh masa yang tertentu, Aturan-Aturan Mahkamah berkenaan dengan pengiraan tempoh, lanjutan atau pemendekan tempoh, dan akibat-akibat dari tidak mengambil sesuatu langkah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Aturan-Aturan Mahkamah, hendaklah dikenakan berhubung dengan kehendak itu.

(5) Peruntukan boleh dibuat oleh Aturan-Aturan Mahkamah yang meminda peruntukan-peruntukan Perintah ini —

(a) berkenaan dengan masa yang dalam tempoh masa itu sebarang permohonan atau rayuan kepada Mahkamah mestilah dibuat;

(b) supaya sebarang peruntukan yang dibuat oleh Perintah ini berkenaan dengan prosiding timbangtara selaras dengan peruntukan yang bersamaan dalam Aturan-Aturan Mahkamah yang dikenakan berkenaan dengan prosiding dalam Mahkamah; atau

(c) supaya sebarang peruntukan yang dibuat oleh Perintah ini berkenaan dengan prosiding undang-undang selaras dengan peruntukan yang bersamaan dalam Aturan-Aturan Mahkamah yang dikenakan pada amnya berkenaan dengan prosiding dalam Mahkamah.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjaskankan kluasan makna kuasa Hakim-Hakim Mahkamah Besar untuk membuat Aturan-Aturan Mahkamah di bawah bab 12(1) dari Akta Mahkamah Besar (Penggal 5).

Kuasa Pendaftar.

54. Peruntukan boleh dibuat oleh Aturan-Aturan Mahkamah bagi memberi kepada Pendaftar Mahkamah Besar semua atau mana-mana bidang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini kepada Mahkamah.

Aturan-Aturan Mahkamah.

55. Ketua Hakim boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat Aturan-Aturan Mahkamah bagi mengawalselia amalan dan prosedur mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa perkara di bawah Perintah ini.

Prosiding hendaklah didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

56. Prosiding di bawah Perintah ini dalam mana-mana mahkamah hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

Sekatan ke atas membuat laporan prosiding yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

57. (1) Bab ini hendaklah dikenakan kepada prosiding di bawah Perintah ini dalam mana-mana mahkamah yang didengar kecuali dalam mahkamah terbuka.

(2) Sesebuah mahkamah yang mendengar sebarang prosiding yang dikenakan bab ini hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, memberi arahan tentang sama ada apa-apa maklumat dan, jika demikian, maklumat apa berhubung dengan prosiding itu boleh disiarkan.

(3) Sesebuah mahkamah tidak boleh memberi suatu arahan di bawah ceraian (2) yang membenarkan maklumat disiarkan melainkan jika —

(a) semua pihak dalam prosiding itu bersetuju bahawa maklumat tersebut boleh disiarkan; atau

(b) mahkamah itu berpuashati bahawa maklumat tersebut, jika disiarkan menurut arahan sebagaimana yang mungkin diberikan olehnya, tidak akan mendedahkan apa-apa perkara, termasuk identiti mana-mana pihak dalam prosiding itu, bahawa mana-mana pihak dalam prosiding itu ingin dengan munasabah terus dirahsiakan.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian (3), jika sesebuah mahkamah memberi alasan keputusan bagi suatu penghakiman berkaitan dengan prosiding yang dikenakan bab ini dan berpendapat penghakiman itu mempunyai kepentingan undang-undang yang utama, mahkamah itu hendaklah mengarahkan bahawa laporan penghakiman itu boleh disiarkan dalam laporan undang-undang dan terbitan profesional tetapi, jika mana-mana pihak dalam prosiding itu ingin dengan munasabah menyembunyikan apa-apa perkara, termasuk fakta bahawa dia adalah pihak tersebut, mahkamah itu hendaklah —

(a) memberi arahan tentang tindakan yang akan diambil untuk menyembunyikan perkara itu dalam laporan tersebut; dan

(b) jika ia berpendapat bahawa suatu laporan yang disiarkan menurut arahan yang diberikan di bawah perenggan (a) mungkin mendedahkan perkara itu, mengarahkan bahawa tiada laporan boleh disiarkan sehingga selepas tamatnya tempoh tersebut, tidak melebihi 10 tahun, sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian.

Pengenaan kepada sebutan di bawah kuasa berkanun.

58. Perintah ini hendaklah dikenakan berhubung dengan setiap timbangtara di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain (selain dari Perintah Timbangtara Antarabangsa, 2009), seolah-olah timbangtara itu dimulakan menurut suatu perjanjian timbangtara, kecuali setakat mana Perintah ini bertentangan dengan undang-undang bertulis yang lain itu.

Kekebalan institusi timbangtara.

59. (1) Pihak berkuasa yang melantik, atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang ditetapkan atau diminta oleh pihak-pihak itu untuk melantik atau menamakan seorang penimbangtara, tidaklah bertanggungan bagi apa-apa juga yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan tugas itu melainkan jika dibuktikan perbuatan atau peninggalan itu adalah dengan niat jahat.

(2) Pihak berkuasa yang melantik, atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang yang melantik atau menamakan seorang penimbangtara, tidaklah bertanggungan, hanya kerana telah dilantik atau dinamakan olehnya, bagi apa-apa juga yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh penimbangtara itu, pekerja-pekerja atau ejen-ejennya dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai penimbangtara.

(3) Bab ini hendaklah dikenakan kepada seseorang pekerja atau ejen pihak berkuasa yang melantik atau suatu institusi timbangtara atau institusi lain atau orang sebagaimana ia dikenakan kepada pihak berkuasa yang melantik, institusi atau orang itu sendiri.

Penyampaian notis.

60. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai cara penyampaian apa-apa notis atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan atau disampaikan menurut perjanjian timbangtara atau bagi maksud-maksud prosiding timbangtara.

(2) Jika atau setakat mana perjanjian yang disebut dalam ceraian (1) tidak ada, ceraian-ceraian (3) dan (4) hendaklah dikenakan.

(3) Suatu notis atau dokumen lain boleh disampaikan kepada seseorang dengan apa-apa cara yang berkesan.

(4) Jika suatu notis atau dokumen lain dialamatkan, dibayar dahulu dan diserahkan melalui pos —

(a) kepada tempat kediaman penerima yang biasa atau terakhir diketahui atau, jika dia menjalankan atau telah menjalankan suatu perdagangan, profesion atau perniagaan, tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui; atau

(b) jika penerima adalah suatu badan korporat, kepada pejabat berdaftar badan korporat itu,

ia hendaklah disifatkan sebagai disampaikan dengan berkesan.

(5) Bab ini tidak boleh dikenakan kepada penyampaian dokumen-dokumen bagi maksud-maksud prosiding undang-undang, di mana peruntukan dibuat oleh Aturan-Aturan Mahkamah.

(6) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini kepada suatu notis atau dokumen lain termasuk sebarang bentuk perhubungan secara bertulis dan sebutan-sebutan kepada memberi atau menyampaikan suatu notis atau dokumen lain hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pengiraan tempoh masa.

61. (1) Pihak-pihak itu boleh bersetuju mengenai cara mengira tempoh masa bagi maksud-maksud —

(a) sebarang peruntukan yang dipersetujui oleh mereka; atau

(b) sebarang peruntukan Perintah ini yang berkuatkuasa sekiranya perjanjian tersebut tidak dipatuhi.

(2) Jika atau setakat mana pihak-pihak itu tidak bersetuju mengenai cara mengira masa, tempoh masa hendaklah dikira menurut bab ini.

(3) Jika perbuatan itu dikehendaki untuk dilakukan dalam suatu tempoh tertentu selepas atau dari suatu tarikh yang ditentukan, tempoh tersebut hendaklah bermula sejurus selepas tarikh itu.

(4) Jika suatu perbuatan dikehendaki untuk dilakukan dalam atau tidak kurang dari suatu tempoh tertentu sebelum suatu tarikh yang ditentukan, tempoh tersebut hendaklah berakhir sejurus sebelum tarikh itu.

(5) Jika perbuatan itu dikehendaki untuk dilakukan, bilangan hari genap yang ditentukan selepas suatu tarikh yang ditentukan, sekurang-kurangnya bilangan hari itu hendaklah berselang antara hari perbuatan itu dilakukan dan tarikh itu.

(6) Jika tempoh yang berkenaan itu, iaitu suatu tempoh 7 hari atau kurang, akan termasuk hari Jumaat, hari Ahad atau hari kelepasan awam, hari itu hendaklah dikecualikan.

Lantikan pengantara.

62. (1) Dalam sebarang hal jika suatu perjanjian membuat peruntukan bagi lantikan seorang pengantara oleh seseorang yang bukan salah seorang daripada pihak-pihak itu dan orang itu enggan membuat lantikan tersebut atau tidak membuat lantikan tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan dalam perjanjian itu atau, jika masa tidak ditentukan demikian, dalam suatu tempoh masa yang

munasabah yang diminta oleh mana-mana pihak dalam perjanjian itu untuk membuat lantikan tersebut, maka Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam perjanjian itu, melantik seorang pengantara yang mempunyai kuasa-kuasa yang sama untuk bertindak dalam prosiding pengantaraan seolah-olah dia telah dilantik menurut terma-terma perjanjian itu.

(2) Ketua Hakim boleh, jika difikirkannya patut, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik mana-mana orang lain bagi menjalankan kuasa untuk melantik di bawah ceraian (1).

(3) Jika suatu perjanjian timbangtara membuat peruntukan bagi lantikan seorang pengantara dan selanjutnya memperuntukkan bahawa orang yang dilantik itu hendaklah bertindak sebagai seorang penimbangtara sekiranya prosiding pengantaraan gagal menghasilkan suatu penyelesaian yang boleh-diterima oleh pihak-pihak itu —

(a) tiada bantahan boleh diterima terhadap lantikan orang itu sebagai seorang penimbangtara, atau terhadap perjalanan prosiding timbangtaranya, semata-mata atas alasan bahawa dia telah bertindak dahulunya sebagai seorang pengantara berhubung dengan beberapa atau semua perkara yang dirujukkan kepada timbangtara; dan

(b) jika orang itu enggan bertindak sebagai seorang penimbangtara, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai seorang penimbangtara tidaklah dikehendaki untuk bertindak terlebih dahulu sebagai seorang pengantara melainkan jika suatu tujuan yang bertentangan terdapat dalam perjanjian timbangtara itu.

(4) Melainkan jika suatu tujuan yang bertentangan terdapat di dalamnya, suatu perjanjian yang membuat peruntukan bagi lantikan seorang pengantara hendaklah dianggap mengandungi suatu peruntukan bahawa sekiranya prosiding pengantaraan gagal menghasilkan suatu penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak-pihak itu dalam tempoh 4 bulan, atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh pihak-pihak itu, dari tarikh lantikan pengantara itu atau, jika dia dilantik atas nama dalam perjanjian itu, dari pemberitahuan bertulis mengenai adanya suatu pertikaian diterima olehnya, prosiding pengantaraan hendaklah selepas itu ditamatkan.

Kuasa penimbangtara untuk bertindak sebagai pengantara.

63. (1) Jika semua pihak dalam sebarang prosiding timbangtara bersetuju secara bertulis dan selagi tiada pihak menarik balik persetujuannya secara bertulis, seseorang penimbangtara boleh bertindak sebagai seorang pengantara.

(2) Seseorang penimbangtara yang bertindak sebagai seorang pengantara —

(a) boleh berhubung dengan pihak-pihak dalam prosiding timbangtara secara bersama atau berasingan; dan

(b) hendaklah menyifatkan maklumat yang diperolehi olehnya daripada suatu pihak dalam prosiding timbangtara sebagai sulit, melainkan jika pihak itu bersetuju selainnya atau melainkan jika ceraian (3) dikenakan.

(3) Jika maklumat sulit diperolehi oleh seseorang penimbangtara daripada suatu pihak dalam prosiding timbangtara semasa prosiding pengantaraan dan prosiding tersebut ditamatkan tanpa pihak-pihak itu mencapai persetujuan dalam menyelesaikan pertikaian mereka, penimbangtara itu hendaklah sebelum menyambung prosiding timbangtara mendedahkan kepada semua pihak lain dalam prosiding timbangtara seberapa banyak maklumat yang dianggapnya penting kepada prosiding timbangtara.

(4) Tiada bantahan boleh diterima terhadap perjalanan prosiding timbangtara oleh seseorang semata-mata atas alasan bahawa dia telah bertindak dahulunya sebagai seorang pengantara menurut bab ini.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab 62 —

(a) sebarang sebutan kepada seorang pengantara hendaklah termasuk suatu sebutan kepada mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang pendamai;

(b) sebarang sebutan kepada prosiding pengantaraan hendaklah termasuk suatu sebutan kepada prosiding pendamaian.

Kerajaan hendaklah terikat.

64. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada sebarang timbangtara di mana Kerajaan menjadi suatu pihak.

Peruntukan-peruntukan peralihan.

65. (1) Perintah ini hendaklah dikenakan kepada prosiding timbangtara yang dimulakan pada atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini tetapi pihak-pihak itu boleh bersetuju secara bertulis bahawa Perintah ini hendaklah dikenakan kepada sebarang prosiding timbangtara yang dimulakan sebelum tarikh tersebut.

(2) Walaupun Akta Timbangtara (Penggal 173) dimansuhkan, jika prosiding timbangtara dimulakan sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, undang-undang yang mengawal perjanjian timbangtara dan timbangtara adalah undang-undang yang sepatutnya dikenakan jika Perintah ini tidak dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(3) Jika suatu perjanjian timbangtara yang dibuat atau diikat sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini membuat peruntukan bagi lantikan seorang pengadil atau suatu tribunal timbangtara yang mengandungi 2 orang penimbangtara, undang-undang setakat mana ia mengawal lantikan, peranan dan tugas pengadil itu adalah undang-undang yang sepatutnya dikenakan jika Perintah ini tidak dibuat.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, prosiding timbangtara akan dianggap sebagai telah dimulakan pada tarikh suatu permintaan bagi pertikaian itu dirujukkan kepada timbangtara diterima oleh responden atau, jika pihak-pihak itu telah bersetuju secara bertulis bahawa sebarang tarikh lain akan dianggap sebagai tarikh bermulanya prosiding timbangtara, maka pada tarikh itu.

Kuasa membolehkan.

66. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah membuat peruntukan-peruntukan sebagaimana yang mungkin pada pandangan Baginda sebagai diperlukan atau mustahak —

(a) bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini;

(b) bagi maksud menyelaraskan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain (selain dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam) dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang Aturan-Aturan Mahkamah.

Pemansuhan.

67. Tertakluk kepada bab 65, Akta Timbangtara (Penggal 173) adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 28 haribulan Julai, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**